

Cintakan negara sebahagian daripada iman

WALAU PUN tidak terkejut dalam mana-mana perintah syariat atau ibadat, namun menurut mutiara kata-kata hikmah Arab menyifatkan 'habibi watan mulah iman' yang bermaksud cintakan negara adalah sebahagian daripada iman.

Hal ini kerana, kewujudan sesebuah negara adalah anugerah daripada Allah SWT kepada sesuatu bangsa dan umat untuk menjalani kehidupan dengan tenteram serta sejahtera.

Justeru, cintakan negara adalah obor keamanan yang dapat menjamin kelangsungan sesuatu tamadun dengan usaha untuk membangunkan kehidupan secara inovatif berpadukan al-Quran dan sunah Rasulullah SAW.

Sebaliknya, kaum yang cenderung melakukan keresakan, dalam erti kata lain melanggar perintah, hukum dan larangan Allah, hanya akan membawa mudarat kepada diri serta negaranya sebagaimana dalam kaum terdahulu yang dibinasakan oleh Allah seperti kaum Aad dan Tsamud serta kaum Nabi Lut.

Ya sebagaimana firman Allah bermaksud: "Dan apabila dikatakan kepada mereka: janganlah kamu membuat bencana dan keresakan di muka bumi, mereka menjawab: sesungguhnya kami orang yang hanya membuat kebaikan. Ketahuilah bahawa sesungguhnya mereka itulah orang yang sebenarnya membuat

bimbingan

SUMBER JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

bencana dan keresakan, tetapi mereka tidak menyedarinya." (al-Baqarah: 11-12).

PERLU KONSISTEN

Kecintaan pada negara perlu dibuktikan dengan tindakan yang konsisten. Bagi seseorang yang mencintai negaranya akan selalu menjaga persekitaran di mana sahaja berada sama ada darat, laut atau udara daripada sebarang keburukan.

Pada dasarnya mencintai tanah air sudah menjadi fitrah semula jadi manusia. Setiap manusia memiliki kecintaan kepada tanah airnya sehingga merasakan aman menetap di dalamnya, merindui ketika berada jauh, mempertahankan ketika diserang dan berasa marah ketika negaranya diecila.

Rasulullah sendiri pernah menasihati kecintaan kepada kota Mekah yang merupakan tempat kelahiran Baginda.

Hal ini dapat dilihat dalam hadis daripada Ibnu Abbas r.a., Rasulullah bersabda maksudnya: "Alangkah baiknya engkau sebagai sebuah negeri, dan engkau merupakan negeri yang paling aku cintai. Seandainya kaumku tidak mengesuk dari engkau, nescaya aku tidak tinggal di negeri selainmu." Riwayat Ibnu Hibban.

Selain itu, Madinah juga merupakan tanah air Rasulullah.

Bertepatan dengan penciptaan manusia sebagai khalifah di bumi, setiap individu perlu menzahirkan kecintaan kepada negara dengan bertanggungjawab memelihara dan menjaga persekitaran atau tempat masing-masing daripada sebarang keresakan serta ancaman.

Di situlah baginda menetap serta mengembangkan dakwah Islam setelah berhijrah dari Mekah. Di Madinah, Rasulullah SAW berjaya membentuk komuniti Madinah dengan adanya Piagam Madinah. Dirwayatkan juga bahawa apabila Rasulullah pulang ke Madinah dari sesuatu perjalanan, Baginda akan mempercek perjalanan. Hal ini kerana kecintaan dan kerinduan Baginda terhadap tanah airnya.

NEGARA ADALAH AMANAH

Negara merupakan amanah daripada Allah dan amanah yang perlu dijaga dengan sebaik mungkin. Keamanan yang dikecapi dan kesesakan dimikmati, semuanya adalah

pemberian Allah atas sifat kasih sayang-Nya. Nikmat ini perlu sentiasa disyukuri dan dipelihara dengan sebaiknya. Lantaran itu, memupuk rasa cinta ini perlu berlaku secara berterusan dan bukan hanya pada tarikh tertentu sahaja.

Kepada generasi muda, lebih-lebih lagi dengan masyarakat berbilang kaum di negara ini, nilai-nilai cintakan negara seperti kesetiaan, keberanian, rela berkorban dan ketaatan kepada raja dan negara, perlu dipertingkatkan bagi membentuk rakyat Malaysia yang patriotik dan bertanggungjawab kepada agama, bangsa serta tanah air.

Dalam konteks ini, ibu bapa, pemimpin masyarakat, media massa, institusi pendidikan dan seumpamanya dituntut memainkan peranan dalam memupuk semangat murni itu.

Sehubungan itu, seluruh umat Islam perlu bersama-sama menyebarkan perasaan cinta, semangat perjuangan, pengorbanan dan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kerana Allah demi menjaga kedaulatan agama serta negara.

Pada masa sama, kita juga bertanggungjawab untuk sebarang kesusahan dan kedaulatan negara daripada sebarang anasir keganasan, kezaliman mahupun penindasan.

PELBAGAI cara boleh dilakukan bagi menzahirkan kecintaan kepada negara.

- Kecintaan kepada negara perlu menjadi asas dalam diri setiap rakyat.
- Setiap rakyat bertanggungjawab mempertahankan negara daripada sebarang anasir jahat yang cuba meruntuhkan kestabilan negara.
- Kecintaan kepada negara syariat Islam akan lebih mudah terlaksana dalam keadaan negara aman, damai.
- Rasulullah SAW sendiri menzahirkan kecintaan kepada kota Mekah yang merupakan tempat kelahiran Baginda.
- Negara merupakan amanah daripada Allah dan amanah yang perlu dijaga dengan sebaik mungkin.

hadis pilihan

Miliki sifat pemurah, pemaaf, rendah hati

RASULULLAH SAW bersabda: "Sedekah tidak akan mengurangi harta. Allah pasti menambahkan kemuliaan kepada seorang hamba yang memiliki sifat memaafkan. Tiada balasan bagi seseorang yang rendah hati kepada Allah, kecuali Allah mengangkat darjatnya." - Riwayat Muslim.

HURAIAN
● Sedekah dalam apa jua bentuk seperti wang ringgit, barangan atau makanan tidak sama sekali mengurangkan harta seseorang malah menambahkan kemuliaannya.

Rasulullah SAW bersabda: "Bersedekahlah, jangan engkau menghitung-hitungnya agar Allah tidak menghitung-hitung pemberian-Nya kepadamu dan janganlah engkau mengumpulkannya (tidak bersedekahlah) agar Allah tidakikir kepadamu." - Riwayat Bukhari

- Orang yang memaafkan, Allah akan menambahkan kemuliaan kepadanya.
- Pemaaf dapat menghilangkan rasa permusuhan dan memperbanyak sahabat.
- Pemaaf akan melahirkan sifat tawaduk, menghilangkan sifat sombong dan angkuh.
- Allah mengangkat darjat orang tawaduk.
- Jadilah Mukmin yang pemurah, pemaaf dan rendah hati kepada orang lain.

Jangan terperdaya tilikan bomoh!

“USTAZI Kawan saya ajak temani dia jumpa bomoh. Katanya, bomoh itu menggunakan ayat al-Quran. Boleh ke saya pergi?" Soalan itu berpunca daripada intipati hadis Rasulullah SAW yang melarang umatnya agar jangan sesekali bertemu bomoh: "Sesiapa yang berjumpa dengan tukang nujum (orang yang mendakwa tahu sesuatu perkara) lalu bertanya kepadanya tentang sesuatu perkara, tidak akan diterima (tidak pahala) solatnya selama 40 malam." - Sahih Muslim.

Jawapan saya: "Bomoh atau perawat yang menggunakan ayat-ayat ruqyah perlu dilihat dahulu pada kaitannya. Jika teknik rawatannya mempunyai unsur nujum seperti mendakwa tahu siapa yang menyihir atau mendakwa tahu yang ghaib, maka ia wajib dihindari. Itu definisi mudah bagi bomoh." Antara sebab utama mengapa ulama sangat antiprofesional bomoh adalah dakwaan sesetengah mereka yang tahu perkara ghaib. Tahu siapa yang menyihir, tahu bagaimana jenis sihir dan seumpamanya. Dakwaan ini sangat biadab dan bercanggah dengan firman Allah:

"Katakanlah lagi: Tiada sesiapapun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah! Dan tidaklah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula (sesudah mati)." (al-Nam: [27:51]).

Ketika menjelaskan ayat ini Aishah r.a. berkata: "Sesiapa menyangka bahawa (Rasulullah SAW) mampu memberitahu apa yang akan berlaku pada kesesakan harinya, maka dia telah berbuat pendustaan yang sangat besar atas nama Allah. Aishah kemudiannya membaca ayat 65 surah al-Nam." - Sahih Muslim.

LICHTINYA ALIM YAHUDI

Ketika membaca Sirah Ibn Hisyam saya ditunjukkan oleh Zaid bin al-Lasayt, iaitu seorang alim Yahudi Madinah yang berpura-pura memeluk Islam. Pernah

refleksi al-quran

Oleh **ABDULLAH BUKHARI ABDUL RAHIM AL-HAFIZ**
Pensyarah di Jabatan Tilawah al-Quran, Pusat Bahasa, UIAM dan Timbalan Presiden Murshid.

satu ketika unta Rasulullah SAW hilang dan tak dapat ditemui. Berikutan peristiwa itu, si alim Yahudi ini melepaskan kata-kata ejek yang sangat pedas:

"Muhammad menyangka dia mendapat wahyu dari langit, sedangkan dia sendiri pun tak tahu ke mana pergi untanya." Ejekan ini sampai kepada Rasulullah SAW, Baginda lalu bersabda:

"Demi Allah, sesungguhnya aku tidak mengetahui (yang ghaib) kecuali apa yang Allah ajarakan padaku dan Allah telah menunjukkan tempat unta itu. Ia berada di lembah ini kerana talinya tersangkut pada sebatang pokok."


Setelah dicari, benar unta itu ditemukan oleh para sahabat pada tempat dan keadaan yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW." - Sirah Ibn Hisyam.

PEDOMAN UNTUK UMAT ISLAM

Subhanallah! Kisah ini menjelaskan betapa yang ghaib adalah milik Allah. Baginda sebagai seorang manusia tidak mengetahui yang ghaib. Banyak firman Allah menyokong prinsip ini, antaranya:

- 1 "Katakanlah (wahai Muhammad): Aku tidak mengatakan kepada kamu (bahawa) perbendaharaan Allah ada di sisi, dan aku pula tidak mengetahui perkara yang ghaib; aku juga tidak mengatakan kepada kamu bahawasanya aku ini malaikat, aku tidak menurut melainkan apa yang diwahyukan kepadaku." Bertanyalah kepada mereka: "Adakah sama orang yang bada dengan orang yang celik? Tidakkah kamu mahu berfikir?" (al-An'am [6:50]).

2 "Katakanlah (wahai Muhammad): Aku tidak



BOMOH yang mendakwa kanannya mengetahui perkara ghaib adalah sangat biadab kerana ilmu berkenaan hanya dimiliki Allah. - GAMBAR HIASAN

berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku dan tidak dapat menolak mudarat kecuali apa yang dikehendaki Allah. Dan kalau aku mengetahui perkara yang ghaib, tentulah aku akan mengumpulkan dengan banyaknya benda yang mendatangkan faedah dan (tentulah) aku tidak ditimpa kesusahan. Aku ini tidak lain hanyalah (Pesuruh Allah) yang memberi amaran (bagi orang yang ingkar) dan membawa berita gembira bagi orang yang beriman." (al-Araf [7:188]).

3 Usahkan si bomoh, para rasul yang saban hari didampingi fibri a.s pun tidak mengetahui perkara ghaib kecuali setelah ia didedahkan oleh Allah dengan tujuan tertentu. Firman Allah: "Tuhannya sahaja yang mengetahui segala yang ghaib,



Prodaksi santuni anggota, masyarakat

BERADA jauh daripada keluarga khususnya di kawasan berisiko tinggi seperti perbatasan negara demi menjaga kedaulatan negara sesungguhnya amat besar dugaan.

Cabarannya bukan setakat ancaman daripada musuh semata-mata tetapi turut melibatkan dugaan daripada emosi dalam diri masing-masing.

Bertujuan mengenal pasti permasalahan anggota dari sudut keilmuan dan emosi adalah antara matlamat utama Program Dakwah Kawasan Operasi (Prodaksi) yang diperkenalkan oleh Jabatan Arak Kor Agama Angkatan Tentera (Kagat).

Prodaksi dilaksanakan oleh Pasukan Dakwah Medan (Pasdam) Sel Dakwah Kagat bermula pada 2011 dan baru-baru ini mereka turun padang ke Kawasan Tanggungjawab (RTJ) Operasi Tentera di Selatan Johor (Op Merpati).

Antara lain objektif Prodaksi ialah:

- Menyuntik semangat juang dan pengorbanan dalam kalangan anggota yang bertugas.
- Memberi motivasi dan kesedaran kepada anggota dengan pelbagai pendekatan dakwah kontemporari.
- Memberi latihan ibadat di medan dalam bentuk praktikal merangkumi wuduk, tayamum dan solat dalam situasi perang.
- Mengukuhkan hubungan tentera dengan masyarakat setempat, agensi agama melalui program kemasyarakatan, kesetaraan dalam isu dakwah, keselamatan dan kedaulatan negara.

Mengenai program di Selatan Johor itu, Pasdam Kagat menerima sambutan memberangsangkan dari Jabatan Agama Islam Johor melalui Pejabat Agama Daerah Kota Tinggi dan Kementerian Pendidikan serta penduduk setempat di sekitar Pengarang, Tanjung Sepang dan Telok Ramunia serta Pelda Adila.

PROGRAM Jiwa Murni Dan Kemasyarakatan, 'Masyarakat Dan Tentera: Berpisah Tiada'.

